



16 JAN, 2025

Lawatan Anwar ke UK perkukuh hubungan dalam pelbagai bidang

Berita Harian, Malaysia



Lawatan Anwar ke UK perkukuh hubungan dalam pelbagai bidang

PM bersama delegasi teroka inisiatif baharu sektor perdagangan dan pelaburan

Oleh Zanariah Abd Mutalib
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata lawatan rasminya ke United Kingdom (UK) selama lima hari akan memperkukuhkan lagi hubungan dua hala dalam pelbagai bidang antara kedua-dua negara.

Beliau berkata, pengukuhan kerjasama itu membabitkan pelbagai bidang lebih-lebih lagi UK adalah rakan dagang ketiga terbesar Malaysia di Eropah.

Perdana Menteri tiba di London awal pagi semalam waktu Malaysia atas jemputan rakan sejawatannya, Keir Starmer.

“Saya percaya, lawatan ini juga akan memberikan nafas baharu kepada hubungan dua negara selepas Keir Starmer memegang jawatan Perdana Menteri sejak Julai 2024,” katanya dalam hantaran Facebook mengenai lawatan itu.

Beliau berkata, jadual padat menantinya dan anggota delegasi dalam usaha meneroka inisiatif baharu terkait bidang perdagangan dan pelaburan susulan penyertaan UK dalam Comprehensive and Progressive for Trans-Pacific Partnership (CPTPP) selain sinergi sektor ekonomi, ASEAN, global dan situasi di Myanmar dan Palestin.

“Moga agenda, misi dan segala



Anwar bersama Johari (kiri), Tengku Zafrul dan Zambry pada mesyuarat Pre-Council di London sempena lawatan kerja lima hari ke United Kingdom.

(Foto BERNAMA)

yang dirancang di United Kingdom ini akan dipermudahkan dalam mendapat manfaat kepada rakyat dan juga negara, Insya-Allah,” katanya.

Sementara itu, **BERNAMA** melaporkan Anwar memulakan lawatan rasminya itu dengan pertemuan bersama Starmer di No. 10, Downing Street malam tadi, waktu Malaysia.

Anwar yang mewakili Malaysia selaku Pengerusi ASEAN 2025 dan Starmer, akan mengetuai delegasi masing-masing pada mesyuarat berkenaan yang memberi tumpuan kepada mengukuhkan hubungan yang sudah lama terjalin antara kedua-dua negara.

Perdana Menteri diiringi Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Datuk Seri Tengku Za-

frul Tengku Abdul Aziz; Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir; Menteri Perlindungan dan Komoditi, Datuk Seri Johari Abdul Ghani dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke UK dan Ireland Utara Datuk Zakri Jaafar.

Isu Palestin turut disentuh

Isu Palestin akan turut disentuh dalam perbincangan kedua-dua pemimpin yang mana kerajaan pimpinan Starmer sudah mengantung penjualan beberapa senjata kepada Israel, di samping meminta supaya bantuan kemanusiaan ke Gaza dan Tebing Barat dipercepatkan.

Anwar juga akan menghadiri pelancaran projek ladang solar oleh **Tenaga Nasional Berhad**

(TNB) Malaysia dan pelancaran produk oleh YTL Group UK, serta melawat ke Stesen Janakuasa Battersea, yang juga pelaburan terbesar Malaysia yang membabitkan dana awam, di Eropah.

UK adalah rakan dagang keempat terbesar Malaysia di Eropah dengan jumlah perdagangan kedua-dua negara adalah RM15.30 bilion (AS\$3.34 bilion) sehingga November 2024.

Lawatan ini, atas jemputan Starmer, adalah kunjungan pertama Anwar ke UK sejak memegang jawatan Perdana Menteri pada November 2022.

Perbincangan antara pemimpin dijangka mencakupi perkara berkaitan pendidikan tinggi, perubahan iklim dan tenaga boleh

dibaharui, agrokomoditi dan pelancongan.

Kedua-dua Perdana Menteri juga dijangka menyentuh mengenai isu serantau dan antarabangsa serta bertukar-tukar pandangan mengenai hubungan UK sebagai rakan dialog ASEAN.

Anwar juga akan mengadakan sesi meja bulat dan perniagaan langsung dengan pemimpin industri, serta merasmikan Auditorium Malaysia di London School of Economics (LSE), diikuti dengan syarahan khas.

Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai Jawatankuasa Ekonomi dan Perdagangan Bersama Malaysia-UK dan Mekanisme Sokongan Lain (MUKJETCO) akan ditandatangani ketika lawatan itu.